

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**  
**TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) Berapa banyak dan kepada siapa wang dibayar di bawah projek ECRL sebelum penangguhannya selepas PRU 14; dan
- (b) Berapa banyak dan kepada siapa wang dibayar setelah ECRL disemak dan dilancarkan semula

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung pada 3 Julai 2018 hingga 12 April 2019. Rundingan semula dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China telah dilaksanakan oleh Kerajaan PH dan diketuai oleh Tun Daim Zainuddin, selaku utusan khas Perdana Menteri.

Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan merupakan pemilik projek ECRL. Syarikat China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) telah dilantik sebagai kontraktor utama projek ini di mana perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan projek ECRL telah dimeterai dengan syarikat CCCC.

## NO. SOALAN : 44

Sehingga 3 Julai 2018, MRL telah membuat bayaran sebanyak RM 10.01 bilion kepada CCCC yang terdiri daripada bayaran pendahuluan bagi Fasa 1- (Kota Bharu – ITT Gombal) dan Fasa 2- (Gombak – Pelabuhan Klang), Landasan Berkembar (Double Track) & Sambungan Utara (Kota Bharu – Pengkalan Kubor). Bayaran kemajuan projek sebanyak RM 9.67 bilion yang merangkumi 8 bayaran juga telah dibuat.

Setelah projek ECRL diteruskan semula pada 15 April 2019, MRL telah membuat pembayaran sejumlah RM 698 juta yang merangkumi 7 bayaran kepada CCC menjadikan jumlah keseluruhan bayaran sehingga 13 Julai 2020 sebagai RM 20.37 bilion (anggaran bundaran).

Kesemua bayaran ini adalah bagi kerja-kerja awalan seperti siasatan tanah (*soil investigation*), kerja ukur, rekabentuk, yuran juruperunding dan jurutera pemeriksa bebas (*independent checking engineer*). Selain itu, bayaran bagi kerja-kerja sivil juga telah dibuat seperti kerja-kerja terowong, pembersihan tanah (*site clearance*) dan penambahbaikan tanah (*soil improvement*).

Untuk makluman juga, Kerajaan sedang dalam proses untuk memuktamadkan laluan bagi Seksyen C (jajaran Mentakab - Pelabuhan Klang), dan stesen di sepanjang jajaran ini. Proses ini perlu dijalankan untuk Kerajaan mengambilkira beberapa faktor penting seperti viabiliti projek, kesaling-hubungan rel dan implikasi kewangan sebelum kelulusan diberikan bagi jajaran ini. Kesemua bayaran yang telah dibuat akan diambil kira dalam kos siling yang akan ditentukan oleh Kerajaan selepas jajaran projek ECRL dimuktamadkan dan tertakluk kepada pengesahan dalam akaun akhir (*final account*).

Sekian, terima kasih.